

HUKUM GADAIAN HARTA INTELEKTUAL MENURUT PERSPEKTIF FIQH

Oleh:

Nurul Iman Mohd Zain¹

Luqman Abdullah²

Abstrak

Gadaian, atau al-Rahn merupakan satu kontrak muamalat yang diharuskan syarak, di mana satu barang yang berharga yang mempunyai nilai di sisi syarak, dijadikan cagaran atau sandaran terhadap hutang yang boleh dibayar dengannya ketika hutang tersebut tidak dapat dijelaskan. Namun, dalam konteks semasa, terdapat pelbagai jenis harta dan produk yang timbul. Harta-harta ini bukan sahaja berbentuk nyata ('ayn atau fizikal), malahan melangkaui kepada bentuk yang tidak nyata, seperti harta intelektual yang merangkumi hak cipta, harta industri dan sebagainya. Oleh itu, isu yang timbul adalah apabila sesetengah fuqaha membataskan definisi harta (mal) kepada harta yang berjasad sahaja, sedangkan harta pada konteks semasa telah mengalami revolusi dan perubahan. Persoalan yang dilontarkan, adakah harta-harta intelektual ini boleh digadaikan, kerana pada zahirnya, harta ini tergolong dalam harta yang tidak bersifat nyata? Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan mengupas kembali konsep harta (mal) menurut perspektif Fiqh bagi merungkai kembali isu yang timbul serta menjelaskan kesamaran yang berlaku kini. Kajian ini merupakan kajian perpustakaan yang banyak bergantung kepada metode analisis teks. Hasil kajian mendapati bahawa harta intelektual adalah dikira harta (mal) yang diharuskan dan dibolehkan melakukan transaksi ekonomi ke atasnya, termasuklah gadaian. Tambahan, bagi mengiktiraf sesuatu harta intelektual sebagai harta, maka

¹ Nurul Iman Mohd Zain, Calon Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dan Tutor, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.

² Luqman Abdullah (Ph.D), Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

ianya perlu menepati asas penentuan bagi sesuatu harta, agar ianya boleh dilakukan akad rahn ke atasnya, sebagaimana dilakukan akad jual beli.

Kata Kunci: *Gadaian, al-Rahn, harta intelektual.*

PENDAHULUAN

Sistem gadaian atau pajak gadai merupakan satu bentuk perkhidmatan pinjaman yang memang telah lama dipraktikkan dalam masyarakat kita sejak dulu hingga kini.³ Perkhidmatan ini sangat popular kerana perkhidmatan ini mudah dan cepat, di mana ianya memerlukan cagaran sahaja, dan sekiranya pinjaman tersebut tidak dapat dijelaskan apabila sampai tempohnya, maka cagaran tersebut akan dilelong untuk menjelaskan hutang tersebut.⁴ Namun, sistem gadaian pada ketika dahulu lebih terdedah kepada amalan riba, kerana kebanyakan umat Islam terpaksa berurusan dengan sistem kewangan konvensional yang berasaskan riba, *gharar* dan sebagainya.⁵ Justeru, pelaksanaan skim *al-rahnu* merupakan satu alternatif kepada sistem gadaian konvensional. Ini kerana *al-rahnu* merupakan satu akad atau kontrak muamalat yang diharuskan oleh syarak. Menyedari akan hakikat ini, beberapa institusi kewangan di Malaysia, termasuklah institusi perbankan dan bukan perbankan, telah berusaha dengan gigih untuk melaksanakan sistem *al-rahnu* sebagai alternatif kepada sistem gadaian konvensional yang telah lama bertapak di negara ini.⁶

Seiring dengan perkembangan sistem kewangan Islam masa kini, di mana perkembangan ini mencakupi sektor perbankan, takaful, pasaran modal dan pasaran wang, pelbagai produk dan inovasi diperkenalkan. Produk-produk kewangan ini berasaskan prinsip, akad dan kontrak muamalat yang diharuskan syarak, seperti akad jual beli, sewa, hibah, musyarakah, dan tidak ketinggalan juga dengan akad *al-rahnu* ini. Dengan perkembangan dan kemajuan ini, maka akan timbullah beberapa isu

³ Mohd. Nasir Mohd. Yatim (2007), *The Principle and Practice of Islamic Banking and Finance*, Selangor: Prentice Hall/Pearson Malaysia, h. 188.

⁴ Mohd. Sharif Baharudin (2002), "Skim Al-Rahn: Ke Arah Pengukuhan Kerjasama Serantau", (kertas kerja Konvensyen Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu) Serantau, Kuala Lumpur, 27-28 Oktober 2002).

⁵ Mu'min Ab. Ghani (1996), "Sejarah Perkembangan Riba Dalam Tamadun Manusia," *Jurnal Syariah*, Bil 4(1), h. 124-138.

⁶ Azizah Othman (2015), *Pelaksanaan Al-Rahnu di Institusi Perbankan dan Bukan Perbankan di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia, h. 20.

semasa yang memerlukan penerangan dan penjelasan dari sudut syarak. Ini kerana perkhidmatan *al-rahn* bukan lagi sebagai pilihan mereka yang berpendapatan rendah, malah mereka yang berpendapatan tinggi juga memilih untuk menggunakan perkhidmatan ini juga. Masalah yang timbul apabila mereka bukan menggunakan emas atau sebarang harta yang nyata seperti tanah, rumah dan sebagainya sebagai barang cagaran, tetapi menggunakan harta yang bukan bersifat nyata (*intangible assets*) seperti harta intelektual, hak-hak maknawi dan sebagainya sebagai cagaran. Oleh itu, artikel ini cuba untuk melihat kembali konsep harta (*māl*) seperti mana yang digambarkan oleh sarjana Islam silam dan semasa sebagai suatu penanda aras yang boleh diguna pakai bagi menilai isu-isu semasa yang timbul, seiring dengan revolusi dan perkembangan harta selaras dengan peredaran zaman yang berlaku kini.

PRINSIP AL-RAHNU SEBAGAI ASAS SISTEM GADAIAN ISLAM

Al-rahn adalah istilah yang diambil daripada kata terbitan bahasa Arab. Menurut bahasa, ianya membawa dua makna, antaranya “*at-thubūt wa ad-dawām*” yang bermaksud tetap dan kekal.⁷ Manakala, makna lain adalah “*al-ḥabs*” yang bermaksud menahan dan mengikat.⁸ Pengertian tersebut dapat dilihat dalam firman Allah S.W.T:

﴿ كُلُّ أَمْرٍ إِذَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴾

(Al-Tūr 52: 21)

Tiap-tiap manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.

Menurut al-Shaykh Wahbah az-Zuhailī, kedua-dua definisi tersebut mempunyai makna yang sama dan saling melengkapi. Baginya lagi, makna *al-rahn* menurut syarak mempunyai persamaan dengan definisinya menurut bahasa, kerana *al-rahn* menurut bahasa merujuk kepada sesuatu yang digadaikan, iaitu sesuatu yang dijadikan cagaran atau jaminan ketika berhutang.⁹ Maka, istilah *al-Rahn* menurut syarak adalah merujuk kepada perbuatan menjadikan sesuatu barang atau harta sebagai

⁷ Abū al-Ḥusāyn Aḥmad b. Fāris b. Zakariā (1979), *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, j.2, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 452.

⁸ Al-Sayyid Muḥammad Murtaḍā al-Zubaydī (t.t), *Tāj al-'Arūs*, j. 35, Baḡhāzī: Dār Libyā li an-Nashr wa at-Tauzī', h. 122.

⁹ Wahbah al-Zuhailī (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j.5, ed. 2, Damshiq: Dār al-Fikr, h.180.

cagaran terhadap hutang yang boleh dibayar dengannya ketika hutang tersebut tidak dapat dijelaskan.¹⁰ Sebagai contoh, Ali berhutang dengan Abu, dan Ali menjadikan tanah miliknya sebagai cagaran sekiranya dia gagal menjelaskan hutangnya apabila sampai tempohnya. Pada ketika itu, Islam membenarkan Abu menjual tanah tersebut untuk mendapatkan haknya kembali, manakala baki harga tanah tersebut sekiranya ada hendaklah dikembalikan kepada Ali. Jelas di sini tujuan daripada gadaian menurut Islam adalah untuk menjaga hak tuan punya hutang, iaitu haknya tidak akan hilang sekiranya penghutang tidak dapat menjelaskan hutangnya.¹¹

Hukum gadaian adalah harus sebagaimana akad-akad muamalat yang lain seperti jual beli dan sebagainya. Pensyariatannya adalah berdasarkan nas-nas al-Quran, hadis-hadis Nabawi dan ijmak fuqaha.

1. Dalil dari al-Quran:

Firman Allah S.W.T.:

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَلَنْ مَّقْبُوضَةً﴾

(Al-Baqarah 2: 283)

Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak ada jurutulis (pencatat hutang), maka hendaklah kamu menghadirkan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang).

Daripada ayat ini, dapat difahami bahawa Allah S.W.T memerintahkan supaya mereka yang berakad (individu-individu yang terlibat dengan hutang), sedangkan kedua-dua pihak ini tidak mendapati seorang pun jurutulis yang boleh mencatat hutang mereka, maka si pemiutang dibenarkan untuk mendatangkan sebarang harta yang dimilikinya untuk dijadikan cagaran, agar kedua-dua pihak mendapat kebaikan, di mana pemberi hutang tidak kehilangan haknya, begitu juga si pemiutang ada jaminan bagi pembayaran hutangnya.¹²

¹⁰ Shams al-Dīn Muḥammad b. al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1997), *Mughni al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī al-Minhāj*, j.2, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h.121.

¹¹ 'Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (1970), *Al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-'Arba'ah*, j.2, Kaherah: Maktabah at-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 286.

¹² 'Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (1970), *op. cit.*, j. 2, h 286.

2. Dalil dari hadis Nabawi:

Terdapat beberapa hadis berkenaan dengan pensyariaan dan keharusan gadaian, antaranya:

عن أنس رضي الله عنه قال: لقد رهن النبي صلى الله عليه وسلم درعا له بالمدينة عند يهودي، وأخذ منه شعيرا لأهله.

Anas r.h. berkata: “Sesungguhnya Nabi S.A.W pernah menggadaikan baju besinya di Madinah kepada orang Yahudi, sementara baginda mengambil gandum dari orang tersebut untuk memenuhi keperluan keluarga baginda.¹³

عن عائشة رضي الله عنها أن النبي صلى الله عليه وسلم اشترى طعاما من يهودي إلى أجل، ورهنه درعا من حديد.

Aisyah r.h. berkata: “Rasulullah S.A.W pernah membeli makanan dari orang Yahudi secara bertempoh, dan baginda S.A.W telah menggadaikan baju besinya.¹⁴

3. Dalil dari ijmak fuqaha:

Para fuqaha bersepakat bahawa hukum gadaian adalah harus, iaitu tidak wajib berdasarkan firman Allah S.W.T.:

﴿ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِمِنَ أَمْنَتَهُ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ﴾

(Al-Baqarah 2:283)

Akan tetapi jika sebagian kamu mempercayai sebahagian yang lain, maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya (hutangnya) dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya.

¹³ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘il al-Bukhārī (2002), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū’, Bab Shirā’ an-Nabi bi an-Nasīah, no. h. 2069, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, h. 499.

¹⁴ Abu ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘il al-Bukhārī (2002), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū’, Bab Shirā’ an-Nabi bi an-Nasīah, no. h. 2068, h. 498, dan Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāh wa al-Muzāra’ah, Bāb Al-Rahn wa Jawāzihi fī al-Ḥaḍar wa al-Safar, no. h. 1603, j.2, Riyādh: Dār al-Salām, h.753.

Para fuqaha hanya berselisih pendapat pada keadaan menggadai ketika berada di tempat sendiri, iaitu tidak bermusafir. Ini kerana, bagi mereka, walaupun ayat al-Quran di atas menyebut dua syarat untuk gadaian, iaitu dalam keadaan musafir dan ketika ketiadaan jurutulis, namun mereka menyatakan bahawa kedua-dua syarat tersebut hanyalah untuk menerangkan kebiasaan yang berlaku. Pendapat ini adalah pendapat majoriti fuqaha¹⁵ dan lebih rajih (kuat) yang mana gadaian boleh dilakukan dalam kedua-dua keadaan, iaitu ketika bermusafir dan berada di tempat sendiri. Ini kerana hadis yang diriwayatkan Saidatina Aisyah dan Anas r.h seperti yang disebutkan di atas, jelas menunjukkan bahawa Nabi S.A.W melakukan transaksi gadaian di Madinah dan baginda tidak berada dalam keadaan musafir.

GADAIAN HARTA INTELEKTUAL MENURUT PERSPEKTIF FIQH

Dalam konteks semasa, seiring dengan perkembangan pesat sistem kewangan dan muamalat Islam, terdapat pelbagai jenis harta dan produk telah timbul. Ianya bukan sahaja meliputi harta yang nyata (berbentuk 'ayn atau fizikal), seperti tanah, rumah, emas, perak dan sebagainya, namun ia melangkaui kepada bentuk yang tidak nyata dan tidak berjasad, sehingga tidak boleh disentuh dan dipegang, seperti hak-hak maknawi atau aset yang bukan bersifat nyata (*intangible asset*). Hak maknawi ini merujuk kepada hak-hak yang tidak berbentuk material seperti pemikiran dan penciptaan. Sesetengah ulama menggunakan istilah hak *ibtikār*,¹⁶ dan sesetengahnya lagi menggunakan istilah hak *adabiyah*, hak *dhihniyyah*, hak *fikriyyah*.¹⁷ Namun, di Malaysia hak maknawi ini merujuk kepada harta intelektual. Harta intelektual ini merangkumi harta industri, yang terdiri daripada cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian dan sebagainya, dan hak cipta, seperti karya sastera, karya muzik, karya seni,

¹⁵ Ibn 'Ābidīn (2003), *Rad al-Muḥtar 'alā al-Dur al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, j. 10, Riyādh: Dār al-Kutub al-'Ālam al-Kutub, h. 68, Muḥammad b. Idrīs al-Shafī'ī (2001), *al-Um*, j. 3, Maṣṣūrah: Dār al-Wafā', h. 138, Alī Ḥaidar (2003), *Durar al-Ḥukām Sharḥ Majallah al-Aḥkām*, j.5, ed. Khas, Riyādh: Dār al-'Ālam al-Kutub, h. 51, Ibn Qudāmah (1997), *al-Mughnī*, j. 4, ed. 3, Bayrūt: Dār 'Ālam al-Kutub, h. 235, al-Kāṣānī (1982), *Badā'ī 'as-Ṣanā'ī*, j. 6, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 204.

¹⁶ Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā (1999), *al-Madkhal Ilā Naẓariyyah al-Ilṭizām al-'Āmmah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Damshiq: Dār al-Qalam, h. 31, dan Muḥammad Faṭḥī al-Duraynī (1994), *Buḥūth Muqāranah fī al-Fiqh al-Islāmī: Ḥaq al-Ibtikār fī al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h. 5-93.

¹⁷ 'Alī Muḥyī al-Dīn al-Qurrah Dāghī (t.t.), *al-Huqūq al-Ma'naviyyah wa al-Taṣarruf Fīhā wa Zakātuḥā*, Jāmi'ah al-Qaṭar: Kuliyyah al-Sharī'ah wa al-Qānūn, h. 461.

penulisan, penggambaran, perfileman dan sebagainya.¹⁸ Dalam perbankan juga terdapat pelbagai bentuk aset yang bukan bersifat nyata, seperti nama perniagaan, perisian komputer yang mengandungi pengurusan akaun operasi perbankan, saham, bon, sekuriti pelaburan dan sebagainya.¹⁹ Hak-hak dan harta seperti ini tidak disebutkan dan dibahaskan oleh ulama-ulama silam dan belum dikenali dalam syariat terdahulu, kerana ianya terhasil daripada perkembangan tamadun, terutamanya dalam aspek pemikiran dan pembuatan terkini seiring dengan perkembangan zaman dan teknologi.²⁰

Isu yang timbul apabila sesetengah fuqaha membataskan definisi harta (*māl*) kepada harta yang berjasad sahaja (*‘ayn*). Ini kerana antara syarat bagi barang gadaian (*al-marhūn*) adalah kemestian barang gadaian itu bersifat harta (*māl*).²¹ Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui hukum menggadaikan harta intelektual menurut syarak kerana ianya tergolong dalam harta yang tidak bersifat nyata. Sebagai contoh, syarikat terkenal seperti Petronas atau KFC, ingin menggadaikan cap dagangan mereka kepada pihak lain, atau seorang penulis ingin menggadaikan hak ciptanya, atau sebuah perbankan ingin menggadaikan nama perniagaannya. Apakah hukum gadaian mereka? Adakah cap dagangan, hak cipta dan nama perniagaan ini termasuk dalam definisi harta atau *‘māl’*?

HARTA MENURUT PANDANGAN FUQAHA

Harta bagi fuqaha Mazhab Ḥanafī (*mutaqaddimūn*) adalah segala benda atau barang berjasad yang boleh dikawal dan diambil faedah daripadanya. Justeru, harta menurut mereka perlu memenuhi dua kriteria ini, iaitu:

1. إمكان حيازته

Maksudnya: berupaya untuk diambil dan disimpan. Sifat ini hanya dapat dipenuhi oleh barang yang berjasad dan berjirim seperti rumah, kereta dan sebagainya.

¹⁸ Arieff Salleh Rosman (2003), *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-Undang Malaysia*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 13.

¹⁹ Lihat: Robert F. Relly (2010), “Intangible Asset Identification and Valuation in the Bank and Thrift Industries,” *Jurnal Insight*, h. 80-81.

²⁰ Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā (1999), *op.cit.*, h. 31.

²¹ Wahbah al-Zuhailī (1985), *op.cit.*, j. 5, ed. 2, h. 203.

2. إمكان الانتفاع به على وجه معتاد

Maksudnya: kebiasaannya boleh diambil manfaat dan faedah daripadanya.²²

Manakala jumhur pula meletakkan harta sebagai segala benda yang bernilai dan boleh diambil manfaatnya daripadanya sama ada pada zatnya (*'ayn*) atau pada manfaatnya, tanpa mensyaratkan *hiyāzah* seperti yang ditetapkan oleh mazhab Hanafi asalkan benda tersebut boleh dimiliki. Pendapat ini merupakan pendapat fuqaha terkemudian (*muta'akhkhirūn*) dari mazhab Hanafi,²³ para fuqaha Mālikiyyah,²⁴ Shāfi'iyyah²⁵ dan Hanābilah.²⁶

Menerusi definisi-definisi yang diberikan oleh jumhur fuqaha, dapat dirumuskan bahawa mereka tidak mensyaratkan dalam takrif harta (*al-māl*) ini, keupayaan sesuatu untuk diambil dan disimpan (*hiyāzah*) seperti yang disyaratkan oleh fuqaha terdahulu dari mazhab Hanafi. Menurut mereka, sesuatu itu dikira harta walaupun pada manfaatnya sahaja, tanpa memiliki zatnya. Ini kerana segala manfaat bagi sesuatu benda dapat dikuasai dengan menguasai fizikalnya (*'ayn*) dan tempatnya (*maḥal*). Sebagai contoh, apabila seseorang itu memiliki kereta, tentu akan melarang orang lain menaiki keretanya itu tanpa izinnnya, kerana manfaat kereta termasuk hartanya.

Setelah dianalisis, konsep harta menurut mazhab Hanafi yang menghadkan barang berjasad yang boleh disimpan dan diambil sebagai milik ini adalah kurang tepat kerana beberapa perkara:

1. Perkara-perkara yang dibenarkan secara *ṭabi'ī* kesemuanya sebelum diambil telah dianggap harta pada zatnya seperti ikan di laut, burung di awan, pokok di hutan, haiwan di padang pasir dan sebagainya. Tidak memiliki barang tersebut tidak bermakna sifat kehartaannya dinafikan.

²² Muḥammad Amīn Ibn 'Ābidīn (2003), *op.cit.*, j. 7, h. 10, dan Al-Ḥaṣkafī (t.t.), *al-Dur Al-Muntaqā fī Sharḥ al-Multaqā*, dalam kitab Dāmād Afandī, *Majma' Al-Anhar fī Sharḥ Multaqā al-Abḥar*, j. 3, Bayrūt: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī, h.3.

²³ Al-Kāsānī (1982), *op.cit.*, j. 7, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h.147.

²⁴ Ibrāhīm b. Mūsā Abū Ishāq Al-Shāṭibī (1997), *al-Muwāfaqāt*, j.2, ed. 3, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 332, dan Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr b. Farḥ al-Qurṭubī (t.t.), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, ed. 2, Al-Qāhirah: Dār al-Sha'ab, h. 246.

²⁵ Muḥammad b. Idrīs al-Shafi'i (2001), *op.cit.*, j. 6, h. 150-151, dan Badr al-Dīn bin Muḥammad Al-Zarkashī (2000), *al-Manthūr fī al-Qawā'id*, j.2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.310.

²⁶ Maṣṣūr b. Yūnus al-Buhūtī (2000), *Sharḥ Muntahā al-Irādāt, Daqā'q Ulī al-Nuhā li Sharḥ al-Muntahā*, j.3, Mu'assasah al-Risālah, h. 126.

Jika kehartaannya dinafikan, maka benda-benda ini boleh dirosakkan, sedangkan perkara ini ditegah oleh agama.

2. Terdapat beberapa barang berjasad yang disukai oleh manusia yang tidak boleh disimpan lama untuk mendapatkan manfaatnya, seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Sedangkan definisi harta yang dikemukakan oleh mazhab Hanafi mensyaratkan sesuatu yang boleh disimpan sehingga waktu yang diperlukan,²⁷ maka sifat kehartaan pada sayur-sayuran dan buah-buahan dinafikan.²⁸

Begitu juga menurut mazhab ini, harta adalah sesuatu yang disukai oleh naluri manusia seperti yang dinyatakan oleh Imām Ibn ‘Ābidin. Dengan kata lain, naluri dan kecenderungan manusia adalah neraca yang menimbang sama ada sesuatu barang itu harta atau tidak. Pendapat ini juga kurang tepat kerana:

1. Terdapat beberapa benda yang tidak disukai oleh naluri manusia tetapi ia dianggap sebagai harta seperti ubat-ubatan yang pahit dan racun yang menjadi penawar untuk sebahagian penyakit yang merbahaya.
2. Benda-benda kotor yang tidak disukai oleh naluri, tetapi boleh memberi faedah dan manfaat kepada manusia seperti baja tanaman.
3. Tabiat manusia tidak tetap kerana ia berbeza-beza di kalangan manusia. Jika dikatakan yang dimaksudkan ialah tabiat yang baik secara umum, ia juga tidak mempunyai had yang tertentu.²⁹

Justeru, asas penentuan bagi sesuatu harta yang paling tepat adalah terbit dari definisi yang diletakkan oleh jumhur fuqaha. Pendapat ini juga dipegang oleh kebanyakan ulama semasa. Walaupun mereka tidak meletakkan asas ini secara terus (*direct*) dalam takrif mereka, tetapi dapat dirumuskan bahawa harta adalah segala yang mempunyai nilai menurut uruf yang tidak melanggar syarak, yang diharuskan untuk dilakukan transaksi ekonomi ke atasnya, dan sekiranya dirosakkan atau dipecahkan, maka perlu diganti nilainya.

SIFAT KEHARTAAN PADA HARTA INTELEKTUAL

Apabila berbalik kepada perbincangan utama, adakah harta intelektual seperti cap dagangan, nama perniagaan dan hak cipta tersebut tergolong dalam takrif *māl*?

²⁷ Ibn ‘Ābidin (2003), *op.cit.*, j.7, h.10. Alī Ḥaidar (2003), *op.cit.*, h. 115.

²⁸ Lihat: al-Zarqā (1999), *op.cit.*, h. 124.

²⁹ *Ibid*, dan Wahbah al-Zuhailī (1985), *op.cit.*, j. 4, h. 41.

Hak maknawi termasuklah harta intelektual, seperti mana yang dinyatakan oleh Majma' al-Fiqh al-Islāmī menunjukkan bahawa ia adalah *māl*. Bahkan, ianya juga bertepatan dengan asas pertimbangan yang dikemukakan oleh penulis sebelum ini, iaitu, segala yang mempunyai nilai menurut uruf yang tidak melanggar *sharā'*, yang diharuskan untuk dilakukan transaksi ekonomi ke atasnya, dan sekiranya dirosakkan atau dipecahkan, maka perlu diganti nilainya.

Penjelasannya:

1. Segala: merujuk kepada semua barang, benda atau perkara, sama ada material atau bukan material, di mana harta intelektual tergolong dalam benda bukan material atau benda tak ketara (maknawi).
2. Yang mempunyai nilai: harta intelektual mempunyai nilai kewangan dan mengandungi kepentingan umum yang dikembalikan kepada masyarakat keseluruhannya, iaitu mengambil manfaat dari idea yang mempunyai kesan yang jelas dalam segenap lapangan kehidupan.³⁰
3. Menurut '*urf*': '*urf*' juga mengiktiraf harta intelektual sebagai harta, di mana harta jenis ini sudah berlegar-legar dalam pasaran semasa, seperti penjualan karya hasil penulisan seseorang dan sebagainya. Ini menunjukkan masyarakat setempat tidak menafikan sifat kehartaan yang ada pada harta intelek.
4. Yang tidak melanggar syarak: harta intelektual hendaklah terhindar daripada perkara-perkara yang ditegah syarak seperti *gharar*, tipu daya atau perkara-perkara yang tidak diizinkan syarak seperti artis menyanyikan sebuah lagu dan nyanyian itu diharamkan, maka artis tersebut tidak diberikan hak cipta, dan rakaman itu tidak dikira harta.³¹
5. Yang diharuskan untuk dilakukan transaksi ekonomi ke atasnya: pemilik harta intelek berhak melakukan akad jual beli terhadap produk akalanya kerana si pemilik mempunyai hak *at-Taṣarruf* (kuasa pengurusan). Menurut Dr. Zaharuddin, pemilikan sesuatu barang ataupun perkara, memberikan pemiliknya tiga kuasa dan kepentingan, iaitu kuasa menggunakan barang itu, kuasa mengambil faedah daripada barang itu, dan kuasa mampu menguruskannya mengikut kehendak sendiri.³²
6. Sekiranya dirosakkan atau dipecahkan, maka perlu diganti nilainya: dalam konteks harta intelektual, sekiranya menciaplak, meniru atau

³⁰ Arieff Salleh Rosman (2003), *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-Undang Malaysia*, h. 76-77.

³¹ Arieff Salleh Rosman (2003), *ibid*, h. 8.

³² Zaharuddin Abd Rahman (2014), *Fiqh Kewangan Islam*, Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn. Bhd., h. 303-304.

membuat salinan kepada karya pemikiran, penulisan, nama dan logo tanpa izin, maka perlu diganti nilainya atau dikenakan hukuman. Justeru, harta intelektual ini adalah terpelihara dari segi syarak dan tidak boleh diceroboh oleh sesiapa.

Tambahan, Majma' al-Fiqh al-Islāmī (1988) juga telah membuat suatu ketetapan mengenai hak maknawi, iaitu:

1. *Nama perniagaan, alamat perniagaan, tanda perniagaan, karya dan reka cipta, atau ibtikār adalah hak-hak yang khas bagi pemiliknya yang dijadikannya menurut 'uruf semasa sebagai sesuatu yang mempunyai nilai māl yang diiktiraf untuk menjana kewangan kepada manusia. Hak-hak ini diiktiraf oleh shāra' dan dilarang pencerobohan ke atasnya.*
2. *Harus bertransaksi di atas nama perniagaan atau alamat perniagaan atau tanda perniagaan dan menggunakan salah satu daripadanya dengan gantian (bayaran) māl apabila tidak wujud gharar, tipu dan khianat dengan sebab ia adalah hak māl.*
3. *Hak karya dan reka cipta adalah terpelihara dari segi shāra' dan bagi pemiliknya mempunyai hak transaksi dan dilarang pencerobohan ke atasnya.*³³

Selain itu, terdapat dalil-dalil yang dikemukakan oleh ulama fiqh kontemporari³⁴ bagi membuktikan hak-hak maknawi dikira sebagai hak berunsur harta dan wajib memeliharanya, antaranya:

1. Dalil daripada al-Quran

Para fuqaha menggunakan dalil dari beberapa ayat al-Qur'an yang membawa maksud umum. Mereka berpendapat, hak-hak maknawi termasuk di bawah kefahaman ayat-ayat al-Quran itu kerana hak-hak ini dikategorikan sebagai manfaat. Antara ayat-ayat tersebut adalah:

³³ *Majallah Majmā' al-Fiqh al-Islāmī*, (1988), kali ke-5, Bil ke-5, j. 3, Jeddah: Munazzamah al-Mu'tamar al-Islāmī, 2581.

³⁴ Mereka berpendapat bahawa Islam mengiktiraf hak ekonomi (*al-haq al-mālī*) ke atas pemilik harta intelektual, antaranya adalah Syeikh Mustafā al-Zarqā (*al-Madkhal al-Fiqhī al-'Am*, j. 3, h. 21) Wahbah az-Zuhailī (*al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āshirah*, h. 584), Fathī al-Durainī (*Buḥūth Muqāranah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Uṣūlihi*, j. 2, h. 32), Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (*al-Ḥuqūq al-Ma'nawīyyah Ṭabī'atuhā wa Ḥukm Shirā'uhā* dalam Majallah al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī, h. 2404) Muḥammad 'Uthmān Shibīr (*al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āshirah*, h. 65), 'Ālī al-Qurrah Dāghī (*Buḥūth fī Fiqh al-Mu'āmalāt*, h. 439), 'Ajīl an-Nashmī (*al-Ḥuqūq al-Ma'nawīyyah* dalam Majallah al-Sharī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, h. 230), dan Muḥammad Rawās Qal'ah Jī (*al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āshirah*, h.130).

- i. Allah S.W.T menceritakan berkenaan kata-kata Nabi Shu'ib a.s kepada Nabi Musa, iaitu dalam sūrah al-Qaṣaṣ, ayat 27, yang bermaksud:
Bapa perempuan itu berkata kepada Musa, "Aku hendak mengahwinkanmu dengan seorang daripada dua anak perempuanku ini. Syaratnya, engkau bekerja denganku selama lapan tahun. Sekiranya engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka itu adalah kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu. Engkau akan mendapati aku daripada orang-orang yang baik layanannya."
- ii. Allah S.W.T menerangkan dalam sūrah an-Nisā', ayat 24, yang bermaksud:
Dan disebaliknya, dihalalkan untuk kamu perempuan-perempuan yang lain daripada itu, untuk kamu mencari isteri dengan harta kamu secara bernikah, bukan secara berzina.

Ayat pertama menjelaskan, syarak mengharuskan perbuatan menjadikan manfaat sebagai mahar atau mas kahwin. Manakala ayat kedua mensyaratkan mahar perlu berupa harta bernilai. Pada asalnya, mahar perlu dalam bentuk harta.³⁵ Tidak dikira mahar dalam akad perkahwinan, kecuali dalam bentuk harta. Namun, mengambil kesimpulan daripada dua ayat ini, manfaat daripadanya juga dikira sebagai harta. Atas asas ini, jumhur fuqaha berpendapat, setiap manfaat adalah harta. Pandangan ini dipelopori oleh fuqaha Mālikī, as-Shāfi'ī dan Ḥanbalī. Ia sebenarnya termasuk dalam perkara maknawi yang bukan material dan tidak dapat dilihat. Ini menjadikan hasil inovasi dan kreativiti minda boleh dimasukkan ke dalam kategori manfaat daripada manfaat-manfaat manusia. Ia dikira sebagai harta yang boleh digunakan dalam urusan jual beli ataupun sebagainya pada syarak. Apa yang dimaksudkan dengan manfaat adalah apa yang boleh diambil faedah daripada *a'yān*, iaitu benda yang material seperti menduduki rumah dan memandu kereta. Manfaat boleh disebut sebagai harta kerana tabiat manusia itu sendiri cenderung kepadanya seperti manusia cenderung kepada benda-benda material lain. Justeru, mereka cuba mendapatkannya kerana kebiasaan umum di pasaran menganggap manfaat sebagai harta. Syarak juga menganggapnya sebagai harta melalui dalil ayat di atas.³⁶

³⁵ Wahbah al-Zuhailī (2002), *al-Mu'amalāt al-Māliyah al-Mu'āṣirah*, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 593.

³⁶ Zaharuddin Abd Rahman (2014), h. 305-307.

Terdapat juga nas-nas al-Quran yang menerangkan bahawa *al-sharī'ah al-islāmiyyah* juga adalah satu syiar atau undang-undang yang mengambil berat tentang penjagaan dan pelindungan segala jenis hak, dan pada masa yang sama, nas ini juga menjadi dalil kepada pengharaman pencabulan ke atas hak dan harta orang lain. Antaranya:

iii. Firman Allah dalam Sūrah al-Baqarah, ayat 188, yang bermaksud:

“Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.”

iv. Allah S.W.T juga menerangkan dalam sūrah an-Nisā', ayat 29, yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”

Kedua-dua ayat yang agung ini membawa maksud umum, di mana ianya jelas menunjukkan bahawa pelanggaran dan pencabulan ke atas harta orang lain diharamkan oleh Allah S.W.T. Bahkan, perundangan harta intelektual diwujudkan untuk tujuan mengawal hak dan harta pencipta dan pemiliknya dari sebarang pencabulan, seperti membuat salinan kepada hasil karya penulisan orang lain, meniru produk, nama atau logo perniagaan orang lain dan sebagainya. Maka, perlindungan ke atas hak dan harta intelek bertepatan dengan maksud nas-nas al-Quran tersebut.³⁷

2. Dalil daripada Sunnah

Rasulullah S.A.W juga ada menyebut tentang pengharaman mengambil harta orang lain dalam beberapa hadis baginda S.A.W, antaranya:

³⁷ Husayn b. Ma'lawī al-Shahrānī (2004), *Ḥuqūq al-Ikhtirā' wa al-Ta'līf fī al-Fiqh al-Islāmī*, Al-Riyāḍ: Dār Ṭibah, h. 41-42.

- i. كل المسلم على المسلم حرام، دمه وماله، وعرضه.
*Setiap orang Islam adalah haram ke atas orang Islam yang lain (daripada mencabuli) darahnya (nyawanya), hartanya, dan maruahannya.*³⁸
- ii. Dalam sabda baginda S.A.W, dalam khutbahnya ketika *Hajj al-Wadā'*:

...فإن دماءكم، وأموالكم، وأعراضكم عليكم حرام كحرمة يومكم هذا، في شهركم هذا، في بلدكم هذا، إلى يوم تلقون ربكم.
*Sesungguhnya darah kamu, harta kamu dan kehormatan kamu adalah haram atas (sesama) kalian seperti haramnya hari kamu yang sekarang ini, di negeri kamu ini dan di bulan kamu ini sehinggalah (kepada waktu yang) kamu akan bertemu dengan Tuhanmu.*³⁹

- iii. Rasulullah S.A.W menyebut:

لا يحل لامرئ أن يأخذ عصا أخيه بغير طيب نفس منه
*Tidak halal untuk seseorang mengambil tongkat saudaranya tanpa kerelaan hati daripadanya.*⁴⁰

Daripada hadis-hadis ini jelas menunjukkan bahawa Allah mengharamkan seorang Muslim melakukan khianat, kezaliman dan segala perbuatan yang boleh mendatangkan mudharat kepada orang lain, tidak kira dalam perkara harta, nyawa atau maruah. Hadis ini merangkumi perkara-perkara hak, kerana hak juga termasuk dalam perkara-perkara harta. Maka, membuat salinan daripada hasil penulisan, nama atau logo perniagaan orang lain, adalah diharamkan, kerana perbuatan ini boleh mendatangkan mudharat kepada pencipta atau pemiliknya.⁴¹

³⁸ Abū al-Husayn Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Birru wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb Taḥrīm Ḥulm al-Muslim wa Khazlihi wa Iḥtiqārihi wa Damihi wa 'irḍihi wa Mālihi, no. h. 2564, al-Riyāḍ: Dār Ṭibah, h. 1193.

³⁹ Abū 'Abd Allah Muḥammad b. Ismā'il al-Bukhārī (2002), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Hajj, Bāb al-Khutbah Ayyām Minā, no. h. 1741, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, h. 419.

⁴⁰ Hadis ini direkodkan oleh Ibnu Hibban serta dikatakan ṣaḥīḥ oleh Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī dalam Kitabnya *al-Ta'liqāt al-Ḥasān 'alā Ṣaḥīḥ Ibnu Ḥibbān* (2003), j. 8, Arab Saudi: Dār Abāwazīr, h. 382, (Kitāb al-Jināyāt, Bāb Zukira al-khayr al-dāl 'alā anna qawlahu S.A.W "Inna amwālakum ḥarām 'alaikum", no. hadis 5946.).

⁴¹ Ḥusayn b. Ma'lawī al-Shahrānī (2004), *op.cit.*, h. 42-43.

3. Dalil daripada qiyās

Para fuqaha juga mengqiyaskan harta intelektual dengan perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh syarak, antaranya:

- i. Pensyari'atan harta intelektual boleh diqiyaskan dengan pensyari'atan mengambil upah daripada mengajar al-Quran dan dengan melakukan perkara-perkara kebajikan seperti azan, khutbah, tazkirah dan ceramah. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa seseorang yang mengajar al-Quran boleh menerima upah daripada kerjanya itu.⁴² Ini berdasarkan hadis Nabi S.A.W:

أحق ما أخذتم عليه أجرًا كتاب الله

(Perkara) yang paling berhak di ambil upah ke atasnya
ialah (mengajar) kitab Allah.⁴³

Oleh itu, jika mengajar al-Quran boleh dinilaikan dengan wang, maka usaha para pencipta dalam sesuatu harta intelektual juga boleh dinilaikan dengan wang, kerana kedua-duanya merupakan perbuatan kebajikan dan ketaatan.⁴⁴

- ii. Pensyari'atan harta intelektual juga diqiyaskan dengan pembuat barang. Islam tidak melarang mana-mana pembuat barang dari mendapat keuntungan kebendaan daripada barang tersebut. Contohnya, pembuat kereta berhak mendapat apa-apa keuntungan daripada hasil usahanya. Oleh itu, pencipta dan pemilik harta intelektual adalah lebih utama untuk mendapat pulangan dalam bentuk kebendaan, di mana hasil usahanya itu boleh memberi manfaat kepadanya dan orang lain.⁴⁵

⁴² Shams al-Dīn Muḥammad b. al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1997), *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, j. 2, Lubnan: Dār al-Ma'rifah, h. 438, Maṣṣūr b. Yūnus al-Buhūṭī (t.t.), *Kashāf al-Qinā 'an Matan al-Iqnā'*, j.4, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 216, Yūsuf al-Qarḍāwī (2001), *al-Rasūl wa al-'Ilm*, al-Qāhirah: Dār al-Ṣahwah, h. 82, Wahbah az-Zuhailī (2002), *al-Mu'āmalāt al-Māliyah al-Mu'āṣirah*, Damshiq: Dār al-Fikr, ed. 1, h. 592.

⁴³ Abū 'Abd Allah Muḥammad b. Ismā'il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb at-Ṭib, Bāb as-Shurūt fī ar-Ruqyah bi Fāṭimah al-Kitāb, no. hadis 5737, h. 1453.

⁴⁴ 'Abd al-Samī' Abū al-Khair (1996), *Nazarāt ḥawl mawqif al-Fiqh al-Islāmī min al-ḥaq al-Mālī li al-Mu'allif*, Nadwah Ḥuqūq al-Mu'allif: Madkhal Islāmī, h. 29-91, Muḥammad al-Shahḥāt al-Jundī (1996), *Himāyah Ḥaq al-Mu'allif min Manzūr Islāmī*, Nadwah Ḥuqūq al-Mu'allif: Madkhal Islāmī, h. 377-412.

⁴⁵ 'Abd al-Samī' Abū al-Khair (1988), *al-Ḥaq al-Mālī li al-Mu'allif fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Miṣrī*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 16-17, Bakr b. 'Abd

4. Dalil daripada *úrf*

Menurut adat dan kebiasaan umum, harta intelektual diterima dan diiktiraf oleh masyarakat malah oleh manusia seluruh dunia. Ianya telah diiktiraf sebagai milik tuannya yang boleh dilaksanakan hukum-hukum harta, seperti dijual, dibeli, disewa, dihadiahkan, diwarisi dan sebagainya. Sebagai contoh, berdasarkan adat kebiasaan, seorang penulis berhak ke atas hasil tulisan dan ciptaannya, maka segala keuntungan, ganti rugi dan royalti adalah sah di sisi undang-undang malah di sisi syarak. Ini kerana apa-apa yang *thābit* pada adat kebiasaan amalan manusia, ia juga *thābit* pada dalil *shar'ī*.⁴⁶ Imām Ibn 'Ābidīn juga ada menyatakan bahawa : *sifat kehartaan (bagi sesuatu) disabitkan dengan penggunaannya oleh seluruh manusia atau sebahagiannya. Dan sifat bernilai disabitkan dengannya, serta dibenarkan mengambil faedah atau manfaat daripadanya menurut syarak*.⁴⁷ Melalui kenyataan ini, dapat kita fahami, bahawa adat kebiasaan atau amalan manusia juga adalah asas utama dalam menetapkan nilai sesuatu perkara terutamanya yang berunsurkan harta.

5. Dalil daripada *al-Maṣolih al-Mursalah*

Al-Maṣolih al-Mursalah juga dijadikan dalil *shar'ī* oleh para fuqaha bagi menetapkan hukum bagi sesuatu perkara, sekiranya perkara tersebut tidak mempunyai hukum dari nas *Qurān*, *hadis*, *ijmā'* atau *qiyās*. Justeru, perkara tersebut diperundangkan padanya hukum, di mana *maṣlahah* yang ada padanya dapat memenuhi kepentingan khusus dan umum.⁴⁸

Allah Abū Zayd (1996), *Fiqh an-Nawāzil Qaḍāyā Fiqhiyyah Mu'āshirah*, j.2, Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h.175, dan Wahbah az-Zuhailī (2002), *op.cit.*, h. 585.

⁴⁶Syarak mengiktiraf *'urf* atau adat manusia sebagai salah satu dalil *shar'ī* yang boleh menjadi sumber penshari'atan bagi sesuatu masalah, asalkan adat tersebut tidak bertentangan dengan nas-nas syarak, diamalkan oleh keseluruhan atau kebanyakan manusia, dan adat itu telah wujud sebelum penetapan hukum tentangnya dibuat. (Lihat: 'Abd Karīm Zaydān (1993), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Tauzī' wa an-Nashr al-Islāmiyyah, h. 253, Aḥmad b. Muḥammad al-Ḥumawī (t.t.), *Ghamzu 'Uyūn al-Baṣā'ir Sharḥ Kitāb al-Ashbāh wa an-Nazā'ir*, j.1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 323, 'Abd al-Wahāb b. 'Alī al-Subkī (t.t.), *al-Ashbāh wa an-Nazā'ir*, j.1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 51, dan Badrān Abū al-'Ainīn (t.t.), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Iskandariah: Muassasah Shabāb al-Jāmi'ah, h. 229.

⁴⁷ Muḥammad Amīn Ibn 'Ābidīn (2003), *Rad al-Muḥtār 'alā al-Dur al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, j.7, Riyadh: Dār al-Kutub al-'Ālam al-Kutub, h. 10

⁴⁸ 'Abd al-Wahhāb Khallāf (1978), *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, ed. 12, Kuwayt: Dār al-Qalam, h. 85, Wahbah az-Zuhailī (1986), *Uṣul al-Fiqh al-Islāmī*, j.2, Damshiq: Dār al-Fikr, h. 757, dan 'Abd Karīm Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 237.

Dalam konteks harta intelektual, *maṣlahah* yang terkandung di dalamnya memenuhi dua aspek:

Pertama: *Maṣlahah Khās*: di mana *maṣlahah* ini boleh membawa pulangan kepada penulis atau pencipta itu sendiri, kemudian kepada penerbit, pengedar, dan sesiapa yang berkenaan, melalui hak milik yang boleh menghasilkan wang.

Kedua: *Maṣlahah ‘Ām*: Memberi hak kepada penulis atau pencipta membawa kepada *maṣlahah* yang dikembalikan kepada masyarakat keseluruhannya. Antaranya, pembaca dapat mengambil manfaat daripada nilai pemikiran penulis yang mampu memberi kesan positif kepada pelbagai lapangan kehidupan. Dalam konteks ini, ia dianggap sebahagian daripada hak-hak Allah S.W.T kerana manfaatnya yang menyeluruh dan memberi kesan yang besar.⁴⁹

6. Dalil daripada kaedah-kaedah Fiqh

Para fuqahā’ juga menjadikan kaedah-kaedah fiqh (*al-qawā’id al-fiqhiyyah*) dalam mengiktiraf harta intelektual sebagai harta yang wajib dilindungi dan mengharamkan pencerobohan ke atasnya, antaranya:

i. Kemudharatan dielakkan (الضرر يزال)⁵⁰

Jika segala bentuk pemberian galakan kepada aktiviti pemikiran dan kreatif, serta usaha memelihara hasil pendapatan dan royalti mereka adalah satu *maṣlahah* dan keperluan masa kini, maka begitu juga halnya dengan usaha melarang mencero boh dan eksploitasi kepada hasil karya orang lain. Ini kerana pelanggaran hak harta intelektual merupakan kemudharatan yang mesti di jauhkan.

Kemudharatan juga boleh berlaku apabila manusia berhenti menghasilkan karya baru berbentuk pemikiran yang boleh memberikan manfaat kepada orang lain, dan pada masa yang sama, sebahagian mereka yang lain pula cuba mengeksploitasikan hasil karya orang lain. Justeru, mengiktiraf harta intelektual sebagai harta dalam perundangan Islam dapat menjaga hak-hak penulis dan

⁴⁹ Fathī ad-Durainī (1994), *op.cit.*, j. 2, h. 51-52, Muḥammad ‘Uthmān Shibīr (2017), *al-Mu‘āmalāt al-Māliyah al-Mu‘āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī*, ed. 6, Jordan: Dār al-Nafā’is, h. 47.

⁵⁰ ‘Alī Aḥmad al-Nadawī (1994), *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah: Maḥmūhā, Nash‘atuhā, taṭowwuruhā, dirāsah mu‘allaḥātihā, adillatuhā, muḥimmātuhā, taṭbīquhā*, ed. 3, Damshiq: Dār al-Qalam, h. 331.

pencipta. Ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Dr. Muḥammad Fahmī As-Ṣādiq: “Kami percaya syariah Islam tegas dalam mengiktiraf hak-hak penulis. Ini kerana syariah melarang seseorang daripada memudharatkan orang lain”.⁵¹

- ii. Keuntungan adalah imbalan ke atas kesanggupan menanggung risiko (الغرم بالغرم)⁵² dan (الخراج بالضمان)⁵³

Sekiranya penulis sanggup menghadapi risiko seperti keletihan memerah pemikiran dalam mencipta karya atau sesuatu, bertanggungjawab di atas setiap perkataan dan rekaan, sanggup ke hulu dan ke hilir dalam mencari dan mengumpul bahan bagi membantu mencipta karya, maka dia berhak mendapat pulangan dan keuntungan di atas penat lelahnya itu, sesuai dengan kaedah fiqh ini.⁵⁴ Dalam erti kata yang lain, Islam menggalakkan umatnya bekerja dan menghasilkan sesuatu yang boleh memberi kebaikan di dunia dan akhirat, serta mencela sifat malas, kerana keuntungan atau kerugian bergantung pada hasil usaha seseorang itu. Al-Shaykh Mustafā al-Zarqā ada menyebut: “Tujuan utama dalam pengiktirafan hak-hak ini adalah bagi menggalakkan seseorang mencipta sesuatu yang baru”.⁵⁵ Tidak dinafikan apabila hak *ma'nāwī* tidak dijaga, ia menyebabkan manusia menjadi malas dan tidak melakukan pekerjaan yang boleh menghasilkan pendapatan yang diharuskan syarak. Ini kerana, manusia berasa dia tidak mampu memperoleh keuntungan melalui cara ini dan menyebabkannya kekal dengan sifatnya yang malas bekerja.⁵⁶

HUKUM GADAIAN HARTA INTELEKTUAL

Berdasarkan definisi *mal* menurut jumhur, asas penentuan bagi sesuatu harta dan dalil-dalil yang dikemukakan sebelum ini, penulis dapat merumuskan bahawa harta intelektual, termasuklah cap dagangan, nama perniagaan dan hak cipta adalah dikira harta (*mal*) yang boleh dilakukan

⁵¹ Seperti yang dipetik oleh ‘Abd al-Salām Daud al-‘Ibādī (1998), *al-Fiqh al-Islāmī wa al-Ḥuqūq al-Ma'nawīyyah, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, bil 5, juz 3, h. 2474.

⁵² Badr al-Dīn Muḥammad Al-Zarkashī al-Shāfi'ī (1982), *Al-Manthūr fī al-Qawā'id*, j. 2, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, h. 119.

⁵³ Aḥmad b. Muḥammad al-Zarqā (1989), *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, ed. 2, Damshiq: Dār al-Qalam, h. 438.

⁵⁴ Muḥammad ‘Uthmān Shibīr (2017), *op.cit.*, h. 46.

⁵⁵ Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā (1999), *op.cit.*, h. 31.

⁵⁶ Zaharuddin Abd Rahman (2014), *op.cit.*, h. 344.

transaksi ekonomi ke atasnya. Apabila harta intelektual diiktiraf sebagai *mal*, maka ianya boleh dilakukan sebarang transaksi ekonomi ke atasnya, termasuklah pajak gadaai atau *al-rahn*. Ini berasaskan dalil-dalil yang boleh dikaitkan seperti berikut;

1. Al-Quran:

﴿فَرَهْنٌ مَّقْبُوضَةٌ﴾^ص

(Al-Baqarah 2: 283)

Hendaklah kamu menghadirkan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang).

Umum ayat ini menjelaskan bahawa barangan yang digadai hendaklah sesuatu yang boleh diserahkan dan dipegang oleh pihak yang memberi hutang seperti yang disebutkan, iaitu ‘قبض’. Perkara ini juga berdasarkan pendapat mazhab Hanafi,⁵⁷ Shāfi’i⁵⁸ dan Ibn Ḥazm al-Zāhiri,⁵⁹ di mana *qabd* menjadi syarat kepada barang gadaian (*al-marhūn*), bahkan dianggap rukun oleh sesetengah fuqaha.⁶⁰ Walaupun harta intelektual seperti karya pemikiran, penulisan, logo perniagaan adalah harta abstrak, namun harta-harta ini mempunyai acuan berbentuk fizikal yang datang dalam pelbagai bentuk, antaranya buku, potret, audio, video, CD,⁶¹ manakala logo perniagaan pula datang dengan tanda berdaftar atau trademark.⁶² Ini menunjukkan bahawa harta-harta intelektual boleh diserahkan dan dipegang oleh dua pihak yang beraqad.

Ayat 27 daripada surah al-Qaṣaṣ yang disebutkan sebelum ini menjelaskan bahawa syarak mengiktiraf manfaat sebagai mahar. Di dalam ayat tersebut, Nabi Musa a.s diarahkan untuk bekerja selama lapan tahun sebagai pertukaran kepada mahar. Sedangkan bekerja adalah bersifat abstrak dan bukan berbentuk harta. Namun, syarak tetap mengiktiraf

⁵⁷ Abī Bakr b. Mas’ūd al-Kāsānī (2003), *Badai’ al-Ṣanāi’ fī Tartīb al-Sharāi’*, j. 8, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 145.

⁵⁸ ‘Abd Allah Muḥammad b. Idrīs al-Shāfi’ī (1961), *al-Um*, j. 3, Mesir: al-Tab’ah al-Fanniyyah al-Muttaḥidah, 191.

⁵⁹ Abū Muḥammad ‘Alī b. Aḥmad b. Sa’īd b. Ḥazm al-Zāhiri (t.t), *al-Muḥallā*, j. 8, Kaherah: Matba’ah al-Imām, 88.

⁶⁰ Rujuk: Abī Bakr b. Mas’ūd al-Kāsānī (2003), *op.cit.*, j. 8, 145.

⁶¹ Husain b. Ma’lawi Al-Shahrani (2004), *Hukuk al-Ikhtira’ wa al-Ta’lif fī al-Fiqh al-Islami*, Riyadh: Dar Thibah li al-Nasr wa al-Tauzi’, h. 389.

⁶² Muḥammad Taufiq Ramaḍān al-Būṭī (2010), *al-Buyū’ al-Shāi’ah wa Athar Dawābiḥ al-Mabī’* ‘alā Shar’yyatuha, Damshiq: Dār al-Fikr, 228.

transaksi ekonomi terhadap manfaat, kerana manfaat tetap boleh diterjemahkan kepada nilai material. Apabila Nabi Musa a.s diarah bekerja bermaksud baginda perlu mengorbankan masa, tenaga serta kepakarannya untuk menyempurnakan sesuatu kerja, di mana akhirnya pekerjaan yang dilakukan oleh baginda dapat melahirkan manfaat dan kesan yang boleh dinikmati oleh majikannya. Begitu juga harta intelektual yang dijadikan sebagai pertukaran kepada hutang atau gadaian, walaupun pada awalnya berbentuk abstrak dan maknawi, namun ianya boleh diterjemahkan kepada nilai material atas dasar pemilik harta intelektual yang perlu mengorbankan harta, masa, tenaga dan kepakaran dalam menghasilkan sesuatu karya, penulisan atau jenama perniagaan yang akhirnya boleh dinikmati oleh pihak yang memberi hutang (*murtahin*) melalui royalti, upah atau sebarang manfaat daripada hasil karya tersebut.⁶³

2. 'Urf

Mengikut adat perniagaan semasa, nama perniagaan, jenama, logo, penulisan, rekaan dan ciptaan merupakan hak milik pemilik yang dianggap mempunyai nilai komoditi,⁶⁴ maka ianya boleh dipajak gadaikan atau dijadikan cagaran bagi sesuatu hutang, kerana hak-hak ini boleh melaksanakan dan memenuhi hak ketika pelangsaian hutang dan pada masa yang sama, ianya juga boleh dijual atau dilelong bagi mendapatkan kembali hutang yang diberikan ketika si penghutang tidak mampu membayar kembali hutangnya.⁶⁵ Menurut Husain al-Shahrānī, walaupun hak-hak ini tidak berbentuk '*ayn* (fizikal), namun ianya boleh dijelmakan dalam bentuk '*ayn*, iaitu melalui pembukuan, pencetakan dan penulisan di atas kertas dan sebagainya. Apabila perkara ini berlaku, maka ianya boleh digadaikan sebagaimana barangan lain yang berbentuk fizikal.⁶⁶

3. Kaedah Fiqh yang menyebutkan,

"Sesuatu yang diharuskan untuk dijual beli, maka ianya juga diharuskan untuk dijadikan pajak atau cagaran".⁶⁷

⁶³ Zaharuddin Abdul Rahman (2014), *op. cit*, 322-323.

⁶⁴ *Majallah Majmā' al-Fiqh al-Islāmī*, (1988), *op.cit*, j.3, 2581.

⁶⁵ Husain b. Ma'lawi Al-Shahrani (2004), *op.cit*, 389.

⁶⁶ *Ibid*, h. 389.

⁶⁷ Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Ṣuyūfī (1997), *al-Ashbah wa Al-Nazā'ir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah*, j. 2, ed. 2, Riyadh: Maktabah Mustafā al-Baz, h. 209, Badr al-Dīn Muḥammad al-Zarkashī (1982), *al-Manṭhur fī al-Qawā'id*, j. 3, Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Su'un al-Islamiyyah, h. 139, Mustafā Dīb al-Bughā (1989), *al-Taḥḍīb fī Adillāh Matan al-Ghayah wa al-Taqrīb*, ed. 4, Damshiq: Dar Ibn Kathir, h. 131.

Kaedah ini jelas menunjukkan bahawa apabila sesuatu harta sah untuk dijual beli, maka ianya juga sah untuk dipajak gadaikan. Harta intelektual merupakan hak-hak maknawi yang mempunyai sifat kehartaan (*māl*) yang sudah dijelaskan sebelum ini, dan ia membawa kepada hukum yang sama dengan jual beli.

PENUTUP

Gadaian atau *al-rahn* merupakan kontrak khusus yang diharuskan syarak dengan tujuan untuk menyakinkan pihak yang memberi hutang bahawa haknya tidak akan hilang sekiranya orang yang berhutang tidak menjelaskan hutangnya dengan mengambil kadar hutang dan bakinya diberikan semula kepada tuan empunya barang. Justeru itu, barangan yang menjadi gadaian perlulah bernilai dan dianggap harta. Hasil perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa harta intelektual dianggap harta dan mempunyai nilai komoditi, di mana ia dianggap milik tuannya dan hak pemilikannya membolehkannya melakukan transaksi ekonomi ke atasnya termasuklah gadaian dan *al-rahn* sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad b. Ismā‘il al-Bukhārī (2002), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.

Muslim b. al-Hajjāj al-Qushairī (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Riyādh: Dār al-Salām.

Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn (2003), *al-Ta’līqāt al-Ḥasān ‘alā Ṣaḥīḥ Ibnu Hibbān* (2003), j. 8, Arab Saudi: Dār Abāwazīr.

Buku

‘Abd al-Samī’ Abū al-Khair (1988), *al-Hak al-Mālī li al-Mu’allif fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Miṣrī*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.

‘Abd Karīm Zaydān (1993), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, al-Qāhirah: Dār al-Tauzī’ wa an-Nashr al-Islāmiyyah.

- Abū al-Ḥusāyn Aḥmad b. Fāris b. Zakariā (1979), *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, j.2, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Al-Zubaydī, al-Sayyid Muḥammad Murtaḍā (t.t), *Tāj al-'Arūs*, j. 35, Banghazi: Dār Libyā li an-Nasr wa at-Tauzī'.
- Al-Bughā, Muṣṭafā Dīb (1989), *al-Tazhib fī Adillah Matan al-Ghayah wa al-Taqrīb*, ed. 4, Damshiq: Dar Ibn Kathir.
- Al-Buhūtī, Maṣṣūr b. Yūnus (2000), *Sharḥ Muntahā al-Irādāt, Daqā'q Ulī al-Nahyī li Sharḥ al-Muntahā*, j.3, (t. p) Mu'assasah al-Risālah.
- _____ (t.t.), *Kashāf al-Qinā 'an Matan al-Iqnā'*, j.4, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Al-Būṭī, Muḥammad Taufīq Ramaḍān (2010), *al-Buyū' al-Shāi'ah wa Athar Ḍawābiḥ al-Mabī'* 'alā Shar'yyatuha, Damshiq: Dār al-Fikr
- Al-Darīnī, Muḥammad Faṭḥī (1994), *Buḥūth Muqāranah fī al-Fiqh al-Islāmī: Hak al-Ibtikār fī al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Al-Ḥaṣḥafī (t.t.), al-Dur Al-Muntaqā fī Sharḥ al-Multaqā, dalam kitab Dāmād Afandī, *Majma' Al-Anhar fī Sharḥ Multaqā al-Abhar*, j. 3, Bayrūt: Dār Iḥyā al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Ḥumawī, Aḥmad b. Muḥammad (t.t.), *Ghamzu 'Uyūn al-Baṣā'ir Sharḥ Kitāb al-Ashbāh wa an-Nazā'ir*, j.1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Alī Ḥaidar (2003), *Durar al-Ḥukām Sharḥ Majallah al-Aḥkām*, j.5, ed. Khas, Riyadh: Dār al-'Ālam al-Kutub.
- Al-Jazīrī, Abd al-Raḥmān (1970), *Al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-'Arba'ah*, j. 2, Kaherah: Maktabah at-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Jundī, Muḥammad al-Shaḥḥāt (1996), *Ḥimāyah Hak al-Mu'allif min Manẓūr Islāmī*, Nadwah Ḥuqūq al-Mu'allif: Madkhal Islāmī.
- Al-Kāsānī, Abī Bakr b. Mas'ūd (2003), *Badai' al-Ṣanāi' fī Tartīb al-Sharāi'*, j. 8, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Nadawī, ‘Alī Aḥmad (1994), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah: Maḥḥūmuhā, Nash'atuhā, taṭowwuruhā, dirāsah mu'allafātihā, adillatuhā, muhimmatuhā, taṭbīquhā*, ed. 3, Damshiq: Dār al-Qalam.
- Al-Qarḍāwī, Yūsuf (2001), *al-Rasūl wa al-'Ilm*, al-Qāhirah: Dār al-Ṣahwah.
- Al-Qurrah Dāghī, Alī Muḥyī al-Dīn (t.t.), *al-Huqūq al-Ma'nawiyyah wa al-Taṣarruf Fīhā wa Zakātuhā*, Jāmi'ah al-Qatar: Kuliyyah al-Sharī'ah wa al-Qānūn.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr b. Farḥ (t.t.), *al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān*, ed. 2, Al-Qāhirah: Dār al-Sha'ab.
- Al-Shāfi'ī, Muḥammad b. Idrīs (2001), *al-Um*, j. 3, Maṣṣarah: Dār al-Wafā'.
- Al-Shahrani, Ḥusain b. Ma'lawi (2004), *Hukuk al-Ikhtira' wa al-Ta'liḥ fi al-Fiqh al-Islami*, Riyadh: Dar Thibah li al-Nasr wa al-Tauzi'.
- Al-Sharbīnī, Sham al-Dīn Muḥammad b. al-Khaṭīb (1997), *Mughni al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī al-Minhāj*, j.2, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Shāṭibī, Ibrāhīm b. Mūsā Abū Ishāq (1997), *al-Muwāfaqāt*, j.2, ed. 3, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Subkī, ‘Abd al-Wahāb b. ‘Alī (t.t.), *al-Ashbāh wa an-Nazā'ir*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah
- Al-Ṣuyūṭī, Jalal al-Dīn ‘Abd al-Rahman (1997), *al-Ashbah wa Al-Naza'ir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah*, j. 2, ed. 2, Riyadh: Maktabah Mustafa al-Baz.
- Al-Zāhirī, Abū Muḥammad ‘Alī b. Aḥmad b. Sa'id b. Ḥazm (t.t.), *al-Muḥallā*, j. 8, Kaherah: Matba'ah al-Imām.
- Al-Zarkashī al-Shāfi'ī, Badr al-Dīn Muḥammad (1982), *Al-Manthūr fi al-Qawā'id*, j. 2, Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- Al-Zarqā, Aḥmad b. Muḥammad (1989), *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, ed. 2, Damshiq: Dār al-Qalam.

- Al-Zarqā, Muṣṭafā Aḥmad (1999), *al-Madkhal Ilā Naẓariyah al-Iltizām al-‘Āmmah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Damshiq: Dār al-Qalam.
- Al-Zuhailī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, j.5, ed. 2, Damshiq: Dār al-Fikr.
- _____ (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j.2, Damshiq: Dār al-Fikr.
- _____ (2002), *al-Mu’amalāt al-Māliyah al-Mu’āṣirah*, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Arief SALLEH ROSMAN (2003), *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-Undang Malaysia*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Badrān Abū al-‘Ainīn (t.t), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Iskandariah: Muassasah Shabāb al-Jāmi’ah.
- Bakr bin ‘Abd Allah Abū Zayd (1996), *Fiqh an-Nawāzil Qaḍāyā Fiqhiyyah Mu’āṣirah*, j.2, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn, (2003), *Rad al-Muḥtār ‘alā al-Dur al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, j.7, Riyadh: Dār al-Kutub al-‘Ālam al-Kutub.
- Ibn Qudāmah (1997), *al-Mughnī*, j. 4, ed. 3, Beirut: Dār ‘Ālam al-Kutub.
- Khallāf, ‘Abd al-Wahhāb (1978), *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, ed. 12, Kuwayt: Dār al-Qalam.
- Majallah Majmā’ al-Fiqh al-Islāmī*, (1988), Kali ke-5, Bil ke-5, Jeddah: Munazzomah al-Mu’tamar al-Islāmī.
- Mohd. Nasir Mohd. Yatim (2007), *The Principle and Practice of Islamic Banking and Finance*, Selangor: Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Muḥammad ‘Uthmān Shibīr (2017), *al-Mu’amalāt al-Māliyah al-Mu’āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī*, ed. 6, Jordan: Dār al-Nafā’is.
- Zaharuddin Abd Rahman (2014), *Fiqh Kewangan Islam*, Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Tesis dan Artikel dalam Jurnal, Kertas Kerja dan Prosiding

- ‘Abd al-Samī’ Abū al-Khair (1996), “Nazarāt Ḥawl Mawqif al-Fiqh al-Islāmī min al-hak al-Mālī li al-Mu’allif”, *Nadwah Ḥuqūq al-Mu’allif: Madkhal Islāmī*, h. 29-91,
- Abd al-Salām Daud al-‘Ibādī (1988), “al-Fiqh al-Islāmī wa al-Ḥuqūq al-Ma’nawiyah”, *Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*, bil 5, juz 3.
- Abibullah Haji Samsudin, “Skim Al-rahn: Satu Model Mikro Kredit di Malaysia”, dalam kertas kerja Konvensyen Pajak Gadai Islam (Ar Rahn) Serantau, Kuala Lumpur, 27-28 Oktober 2002.
- Azizah Othman (2015), Pelaksanaan Al-Rahn di Institusi Perbankan dan Bukan Perbankan di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Che Mohd Yusri Che Hashim (1995), “Pelopor Sistem Gadaian Islam,” *Dewan Ekonomi*, Julai 1995.
- Mohd. Sharif Baharudin, “Skim Al-Rahn: Ke arah Pengukuhan Kerjasama Serantau”, dalam kertas kerja Konvensyen Pajak Gadai Islam (Ar Rahn) Serantau, Kuala Lumpur, 27-28 Oktober 2002.
- Mu’min Ab. Ghani, “Sejarah Perkembangan Riba Dalam Tamadun Manusia,” *Jurnal Syariah*, Bil 4(1).
- Muḥammad al-Shaḥḥāt al-Jundī (1996), *Ḥimāyah Hak al-Mu’allif min Manẓūr Islāmī*, Nadwah Ḥuqūq al-Mu’allif: Madkhal Islāmī.
- Robert F. Relly (2010), “Intangible Asset Identification and Valuation in the Bank and Thrift Industries,” *Jurnal Insight*.
- Ruqayah Mohamed, “Hak dan Implikasi Perundangan Sistem Pajak Gadai di Malaysia,” Kertas Kerja Seminar Nikmat Membeli bagi Pengguna di Petaling Jaya, 11-12 Okt 1986.